

SKEMA KERTAS 1

BAHAGIAN A

PENDAHULUAN

- Kata sapaan- bertanya khabar

ISI-ISI PENTING

- Mengelakkan kita melakukan kesalahan di jalan raya- sentiasa beringat-ringat-peraturan dan undang-undang terpahat dalam hati dan jiwa kita- mengelakkan diri daripada melakukan Tindakan yang tidak beretika- mengetahui kesan di sebalik Tindakan itu- mengelakkan kehilangan nyawa
- Membangkitkan rasa bertanggungjawab di jalan raya- tidak menganggap pelbagai peraturan dan undang-undang digubal-menyusahkan dan mengongkong kehidupan kita-memaki topi keledar-memakai tali pinggang keselamatan-tanggungjawab yang wajib diamalkan-menghargai nyawa diri-menyayangi ahli keluarga.

PENUTUP

Berharap mendapat respons dengan secepat mungkin

BAHAGIAN B

SOALAN 1

Isu : Kejiranan

Tugasan : Aktiviti kejiranan mempererat hubungan

Format : Syarahan (Kata alu-aluan, kata halaaan, ucapan terima kasih)

Cadangan isi penting

1. Ziarah-menziarahi jiran dapat mewujudkan perasaan simpati.
2. Kunjung-mengunjungi rumah terbuka dapat mengukuhkan perpaduan.
3. Bergotong-royong dapat memupuk amalan bekerjasama.
4. Rondaan rukun tetangga dapat menyemai sikap tanggungjawab bersama.

SOALAN 2

Usaha-usaha yang anda lakukan untuk mengelakkan tekanan mental dan emosi menyerang anda.

- i. Melakukan aktiviti yang berfaedah pada masa lapang.
- ii. Kongsi masalah dengan orang yang dipercayai.
- iii. Rujuk kaunselor untuk berbincang lebih lanjut.
- iv. Memantapkan ilmu agama.

SOALAN 3

Bincangkan langkah-langkah yang perlu **dilakukan oleh pelbagai pihak** untuk menggalakkan masyarakat membaca.

Domain : Pendidikan
Tema : Pendidikan
Aras : Mengaplikasi
Format : Tiada

Kehendak Soalan:

1. Calon dikehendaki menghuraikan langkah2 yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk menggalakkan amalan membaca dalam kalangan masyarakat.
2. Jika calon tidak menyentuh mana2 pihak , markah maksimum peringkat baik sahaja.

Cadangan isi

1. Pihak kerajaan/ DBP/ Kementerian Pendidikan – penganjuran pelbagai kempen membaca.
 - Membantu industri buku di Malaysia agar terus berkembang dengan rancak
 - Penerbitan bahan bacaan yang berkualiti.
 - Mewujudkan pasaran buku yang kompetitif.
 - Contoh: Pameran, simposium secara besar-besaran
2. Perpustakaan Negara Malaysia/ Media elektronik – mewujudkan platform atau aplikasi pembacaan secara dalam talian / e-buku
 - Semua akhbar, majalah dan buku mempunyai versi digital dan diterbitkan secara digital – mudah diakses.
 - Mengubah landskap pembacaan – sesuai dengan trend generasi Y dan Z
 - Percuma, berbayar atau langganan bulanan.
3. Pihak sekolah – kelab pencinta buku –

- menganjurkan lawatan ke perpustakaan / pameran buku kebangsaan – memperkasakan program Nilam dengan pelbagai aktiviti / pertandingan dan hadiah menarik.
 - Menimbulkan perasaan teruja ketika berada dengan buku-buku tersebut.
4. Peranan ibu bapa – suri teladan dengan membaca bersama / mewujudkan perpustakaan mini di rumah
- Membelanjakan sedikit wang setiap bulan untuk membeli bahan bacaan yang bersesuaian
 - Perpustakaan mini atau sudut bacaan yang kondusif
 - Galakan / insentif berbentuk bahan bacaan.

SOALAN 4

Pendahuluan

Kekangan kerja semakin menekan mahasiswa yang menamatkan pengajian masing-masing untuk merebut peluang pekerjaan tanpa memilih sesuatu pekerjaan itu. Namun begitu, banyak sebenarnya pekerjaan yang dapat dilakukan selepas tamat pengajian salah satunya menjadi seorang usahawan.

Isi-isi Penting

1. Menamatkan pengajian dengan memperoleh ijazah dalam bidang perniagaan. Pendidikan sangat penting yang menjadi usahawan yang berjaya. Hal ini dikatakan demikian kerana hanya dengan ilmu pengetahuan seseorang itu tidak mudah tertipu.
2. Menyertai kelab koperasi sekolah. Hal ini dikatakan demikian dapat dijadikan batu loncatan awal untuk mengenali dunia perniagaan. Secara tidak langsung seseorang itu dapat menimba pengalaman untuk mengurus perniagaan.
3. Menyertai aktiviti hari keusahawanan dan hari terbuka sekolah atau institusi pengajian tinggi (IPT). Seseorang individu perlu mencuba sebagai petugas kelab atau persatuan dengan membuka gerai atau khemah jualan pada hari tersebut. Kesannya, dapat belajar cara-cara mengendalikan gerai jualan.
4. Mengikuti kursus yang berkaitan dengan keusahawanan peringkat sekolah, IPT dan sebagainya sama ada dianjurkan oleh pelbagai pihak termasuk kelab dan agensi kerajaan. Kesannya, peserta kursus didedahkan tentang selok-belok perniagaan.
5. Mengumpulkan modal untuk memulakan perniagaan. Kesedaran awal amalan menabung wajar dilakukan pada usia kecil agar dapat membantu mengeluarkan modal apabila hendak berniaga kelak. Malah modal yang tidak cukup dapat diperolehi melalui pinjaman bank dan bantuan agensi kerajaan.

Penutup

Keazaman dan keinginan untuk berjaya mampu melahirkan usahawan yang berjaya dengan memastikan diri berjaya dalam bidang akademik dan memperoleh ilmu dalam bidang perniagaan.

